

FEPRIL TABLET 500MG[®]

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fepril Tablet
2. Bagaimana Fepril Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fepril Tablet
4. Cara menggunakan Fepril Tablet
5. Semasa menggunakan Fepril Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fepril Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Fepril Tablet

Fepril Tablet digunakan untuk melegakan kesakitan ringan sehingga sederhana dan untuk mengurangkan demam.

Bagaimana Fepril Tablet berfungsi

Fepril Tablet mempunyai ciri-ciri analgesic (melegakan kesakitan) dan antipiretik (anti-demam). Ia juga meningkatkan aliran darah di permukaan kulit, mengeluarkan haba dan peluh untuk mengurangkan demam.

Sebelum menggunakan Fepril Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- anda mempunyai masalah hati.

- Sebelum menggunakan Fepril Tablet

Beritahu doktor jika anda mempunyai mana-mana masalah berikut:

- Masalah enzim yang dikenali sebagai kekurangan G6PD
- Masalah pemakanan (kekurangan zat atau dehidrasi yang kronik)
- Berat badan kurang daripada 50kg

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi,

pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan ambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan ubat ini bersama dengan ubat yang lain seperti berikut:

- Antikoagulan seperti warfarin (ubat pencair darah)
- Metoclopramide atau domperidone (ubat untuk masalah perut)
- Cholestyramine (ubat untuk mengurangkan kolesterol)

Cara menggunakan Fepril Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas:

1 hingga 2 tablet, 3 atau 4 kali sehari sehingga maksimum 8 tablet (4000mg) sehari.

Kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun:

½ hingga 1 tablet, 3 atau 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala dos berlebihan paracetamol dalam tempoh 24 jam pertama termasuk pucat, loya, muntah, hilang selera makan dan sakit perut. Tanda-tanda kerosakan hati (sakit, rasa sakit apabila ditekan, bengkak perut) mungkin muncul antara 12 hingga 48 jam selepas dos berlebihan paracetamol. Dos berlebihan paracetamol juga boleh menjejaskan buah pinggang atau jantung.

Semasa menggunakan Fepril Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fepril Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Kanak-kanak tidak seharusnya mengambil paracetamol lebih daripada 3 hari tanpa mendapatkan nasihat doktor.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Fepril Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Terdapat ubat yang mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan

jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Fepril Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

REAKSI ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan kesan sampingan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan Fepril Tablet biasanya tidak serius, walaupun reaksi berkaitan dengan sel darah dan sumsum tulang telah dilaporkan. Kesan-kesan sampingan lain yang mungkin termasuk tekanan darah rendah, jantung berdegup lebih laju, loya, muntah, sembelit, susah tidur dan masalah hati atau buah pinggang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Fepril Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bulat dan cembung (*biconvex*) dengan garisan pada salah satu bahagian. Berwarna putih ke putih pudar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
paracetamol 500 mg

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose 101, Pregelatinized starch, Croscarmellose Sodium, Povidone, Potassium Sorbate, Talc Powder, Stearic Acid.

- Nombor MAL

MAL19912157XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd,
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate, 08000
Sungai Petani, Kedah Darul Aman,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

12/11/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)111124/00122